

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein  
Onn di-Upachara Pembukaan Resmi Sekolah Dato'  
Hamzah, Port Swettenham Pada 24hb. April, 1971  
Pukul 8.30 Pagi

Saya mengucapkan terima kaseh atas penghormatan yang di-beri bagi saya untok pembukaan dan pameran Sekolah Dato' Hamzah pada pagi ini. Sekolah ini ada-lah chantek dan indah. Saya di-fahamkan sekolah ini telah siap di-bena di-dalam tahun 1966 dengan belanja lebeh kurang \$300,000.00. Di-dalam tahun 1970, bangunan tambahan yang berharga lebeh kurang \$120,000.00 telah pun siap di-bena. Nampak-nya sekolah ini berkembang dengan sa-bagitu pesat dan di-waktu ini di-dapati bilangan penuntut-nya meningkat sa-hingga 1,211 orang dan guru2-nya sa-ramai 47 orang. Perkembangan sekolah ini sangat2-lah jelas dengan ada-nya pelajaran menengah atas dan dengan bertambah-nya bilangan guru2 siswazah yang di-tempatkan mengajar di-sekolah ini.

Saya berasa bangga kerana penduduk2 di-kawasan ini sangat beruntung kerana mendapat sa-buah sekolah yang chantek dan indah untok memberi tempat yang sempurna bagi anak2 mereka belajar. Saya mempunyai penoh harapan bahawa dengan ada-nya kemudahan2 dan bertambah-nya guru2 yang berkualiti, anak2 tuan2 yang ada di-bangku sekolah hari ini akan benar2 dapat kenekmatan pelajaran bagi membuka peluang mereka untok belajar di-pusat2 pengajian yang lebeh tinggi.

Kemajuan dan kejayaan sa-sabuah sekolah itu ada-lah bergantung kapada minat, semangat, keazaman, ketabahan dan ketekunan segala gulongan. Gulongan ini terdiri daripada gulongan pendidek, gulongan pelajar dan gulongan ibu bapa. Segala2-nya mesti-lah di-jalinkan dengan sa-bagitu rupa sa-hinggakan perjalanan pelajaran merupakan sa-suatu gabungan yang berjalan dengan sa-bagitu terator dan lichin. Pelajaran yang di-perolehi bagi tiap2 orang kanak2 sama ada di-sekolah atau pun di-luar sekolah merupakan satu perkara yang rumit. Pelajaran memerlukan kajian yang sa-dalam2-nya. Bagi tujuan ini, sukatan2 pelajaran ada-lah di-sediakan untok tiap2 satu mata-pelajaran dan sukatan2 pelajaran ini bukan-lah, di-karang sa-bagaimana sa-suatu cherita di-karang, tetapi telah di-fikir, di-kaji dan di-sesuaikan bagi kegunaan di-sekolah2. Sukatan2 pelajaran kita ada-lah di-sesuaikan

dengan berlatar-belakangkan keadaan dan keperluan kanak2 kita ini.

Saya berasa puas hati kerana ibu bapa, guru2 dan murid2 sedar tentang kewajipan dan tugas2 mereka dalam menghasilkan sa-suatu yang tegas dan dinamis di-sekolah ini. Ini memang-lah kita perlukan oleh kerana kita berkehendakkan jenerasi yang dinamis di-masa yang akan datang ini. Ia-itu jenerasi yang sanggup mengambil sa-suatu tindakan demi kemajuan negara ini dan demi mempertahankan nusa dan bangsa. Anak2 yang belajar di-sekolah2 rendah di-hari ini akan ka-sekolah menengah dan akan melalui perengkat dewasa. Sa-bagaimana kita ketahui di-masa ini, bilangan kanak2 yang masuk sekolah rendah tiap2 tahun bertambah besar. Ini berma'ana jenerasi di-masa hadapan terdiri dari bilangan belia yang sa-bagitu ramai, dan jauh melebihi bilangan2 yang lain. Dengan keadaan yang demikian, masa'alah berkaitan dengan belia ada-lah bertambah besar.

Kedudukan belia dari segi sosial, ekonomik dan saikoloji adalah sangat rumit. Pada pandangan masharakat, belia2 merupakan orang2 yang muda tetapi yang sa-benar-nya mereka itu merupakan sa-bagai kumpulan yang sangat2 beranika jenis dan kompleks.

Mengikut kajian UNESCO, bilangan belia2 di-dunia ini akan bertambah sa-hingga lebeh daripada 1,100 juta pada tahun 2,000 dan 75% daripada bilangan ini ada-lah di-negeri2 yang membangun saperti Malaysia. Kita telah mendengar dan membacha berkenaan dengan peranan dan tindakan belia2 terhadap masharakat yang di-katakan di-tadbirkan oleh orang2 yang berumor dan berpengalaman.

Pertukaran sosial yang terdapat di-dalam sa-suatu masharakat itu akan mempengaruhi kehidupan anggota-nya. Pemuda2 pada masa ini lebeh bebas dan kurang bergantung kepada keluarga di-perengkat umur yang lebeh rendah dari masa2 yang telah lalu. Keadaan2 tradisional semakin lama semakin berkurangan oleh kerana keadaan2 tradisional itu tidak dapat di-sesuaikan dengan pembangunan2 teknik dan ekonomik. Belia2 memerlukan penukaran dan imansipasi daripada semata2 bergantung kepada orang2 yang berumor dan berpengalaman. Mereka ini inginkan pengelolaan yang di-jalankan oleh mereka sendiri. Dalam pada itu, keadaan masharakat kian bertukar melibatkan orang2 muda di-masa ini mendapat pekerjaan pada perengkat umur yang lebeh lewat daripada ibu bapa2 mereka. Apa yang di-maksudkan ia-lah orang2 muda dapat melanjutkan pelajaran mereka ka-perengkat2 yang lebeh tinggi yang

menyebabkan mereka itu mula bekerja di-perengkat umur yang lebeh lewat. Tidak dapat di-nafikan bahawa keadaan sa-demikian ada-lah baik. Tetapi keadaan yang demikian menyebabkan terasing-nya mereka itu daripada masharakat.

Pada pandangan saya tidak ada perkara yang lain yang lebeh mempengaruhi orang2 muda di-masa ini daripada kesan pembangunan saintifik dan teknologi di-dalam masharakat mereka. Sapertimana yang kita saksikan di-negeri2 yang sudah maju terdapat keadaan yang membawa krisis di-bandar2 raya dan revolusi di-dalam kehidupan yang sa-bagitu moden. Keadaan2 yang sa-demikian telah mengganggu, merunsing dan mengharu kehidupan orang2 muda. Peranan orang2 muda di-dalam dunia yang serba moden ini telah mengambil alih kepada satu bidang yang sangat luar biasa, bukan sahaja di-sebabkan oleh bilangan mereka yang terlalu besar tetapi di-sebabkan oleh peranan yang boleh mereka mainkan di-dalam perubahan yang terdapat di-dalam masharakat mereka.

Bagi penuntut2 sekolah ini terutama-nya, saya berharap langkah2 yang positif di-ambil oleh semua yang berkenaan termasuklah juga penuntut2 itu sendiri supaya dapat menyesuaikan diri mereka dengan perubahan sains dan teknologi yang akan bertambah besar dan meluas pengaruh-nya. Dari apa yang saya saksikan hari ini, sekolah ini mempunyai bakat (potential) untuk kemajuan. Saya berharap murid2 di-sini menggunakan segala tenaga mereka untuk mendirikan satu jenerasi yang boleh membena masharakat yang dapat menyesuaikan diri dengan perubahan sains dan teknologi. Saya berharap murid2 sekolah ini dapat menggunakan pelajaran2 sains yang di-perolehi oleh mereka di-dalam penghidupan mereka sa-hari2. Bukan sahaja sa-demikian, tetapi sikap dan chara pemikiran mereka mesti-lah mengikut jalan saintifik yang teratur. Saya fikir tidak memadai bagi kita semata2 mempelajari mata pelajaran sains di-sekolah dengan tidak menggunakan pelajaran ini di-waktu luar sekolah.

Saya berharap sekolah ini dapat mendirikan perojek2 sains yang boleh membena sikap progressip dan chara hidup yang bersesuaian dengan perubahan yang di-akibatkan oleh sains dan teknologi.

Akhir kata saya dan isteri saya mengucapkan terima kaseh kepada Lembaga Pengelola dan Guru Besar kerana menjemput kami ke-sekolah ini pada hari ini. Sa-terus-nya, dengan segala sukachita-nya saya resmikan pembukaan Sekolah Dato' Hanzah, Port Swettenham ini.



No. Siri ..... 26  
No. Penerimaan ..... 26/80